



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

AKTIVITI PTDI



MEMBUDAYAKAN ILMU DI PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2014

Oleh: Siti Rozana binti Mat Sanat

Menghayati budaya membaca antara matlamat pemilihan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLBF 2014). Disertai seramai 31 orang pensyarah dan 5 orang pegawai pengiring di kalangan staf perpustakaan, pemilihan buku telah berlangsung dengan jayanya pada 28 & 29 April 2014.

Pemilihan bahan rujukan meliputi daripada semua program yang ditawarkan di UiTM Cawangan Johor. Turut membantu dalam memudahkan pemilihan bahan rujukan di KLBF 2014 adalah pembekal Asia Galaxy Sdn. Bhd., Jendela Informasi Sdn. Bhd., Syarikat Muda Osman Sdn. Bhd., Perdana Marketways Sdn. Bhd., Rima Enterprise Sdn. Bhd. dan EDU Resources Sdn. Bhd.

Apa yang diharapkan adalah bahan-bahan yang telah dicadangkan dan dibuat pembelian dapat dimaksimumkan penggunaannya sebaik mungkin oleh para pensyarah dan para mahasiswa/mahasiswi UiTM Cawangan Johor.



UNIT PENYELIDIKAN & HARTA INTELEK: BENGKEL PENYELIDIKAN SIRI 1

Oleh: Mawar Noor binti Abdullah



Pihak Accounting, Business & Economy Research Centre (ABERC) dengan kerjasama Unit Penyelidikan Perpustakaan Tun Dr. Ismail, UiTM Cawangan Johor telah mengadakan Bengkel Penyelidikan Siri 1 pada 21 Oktober 2014 (Rabu) di Bilik IT, Perpustakaan Tun Dr. Ismail 2.

Seramai 36 orang peserta telah mengikuti bengkel ini yang terdiri daripada 23 orang staf UiTM dan 13 orang lagi dari Kolej Komuniti Ledang, Selandar dan Jempol.

Penceramah yang terlibat ialah Dr. Raja Adzrin Raja Ahmad, Dr. Nor Balkish Zakaria dan Dr. Ahmad Razi Ramli. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk:-

- Memberi latihan secara teori dan praktikal kepada para penyelidik supaya mereka dapat melaksanakan penyelidikan dengan cara yang lebih berkesan.
- Mempelajari bagaimana penyediaan bahan penyelidikan dapat membantu penyelidik dalam pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan mereka.
- Berupaya mengenalpasti dan mengakses maklumat daripada pelbagai sumber.
- Membina keyakinan diri supaya mampu melaksanakan penyelidikan dengan cekap, berkesan dan berdikari.

Dengan penganjuran Bengkel Penyelidikan ini, diharapkan ianya dapat meningkatkan lagi kemahiran para penyelidik dalam menghasilkan penyelidikan bermutu tinggi dan seterusnya menyumbang kepada penyelidikan universiti yang berkualiti.